

27 MAR 1997

Mahathir-Waseda

ASIA MESTI BERPENDIRIAN UNTUK TERUS MENIKMATI KEAMANAN DAN KEMAKMURAN

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 27 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Asia mesti mempunyai pendirian sendiri, di sebalik hanya menurut pendapat Eropah untuk terus menikmati keamanan dan kemakmuran pada abad akan datang.

Beliau berkata, ekonomi-ekonomi membangun di Asia yang tidak bersatu dan tanpa kordinasi sehingga ini tidak dapat berbuat sesuatu secara berkesan mengenai hal ehwal ekonomi dan politik masing-masing dan apakah lagi di peringkat dunia.

"Kita hanya ikut pendapat Eropah yang dominan tanpa mengira kesilapan mereka di zaman lampau dan kemungkinan mereka mengulangi kesilapan yang sama sekarang," kata beliau.

"Jika pada akhirnya semua sistem politik dan ekonomi dibuktikan salah maka tentunya kita semua terpaksa menanggungnya."

Dr Mahathir yang mengilhamkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), berkata demikian semasa bercakap mengenai "Masa Depan Asia dan Peranan Jepun: Cabaran Abad Ke 21 Kepada Belia" di Universiti Waseda.

Perdana Menteri tiba di sini, pada Selasa bagi lawatan rasmi empat hari ke Jepun. Lawatan beliau itu merupakan lawatan rasmi yang pertama dalam tempoh 14 tahun walaupun sebelum ini beliau pernah membuat beberpa lawatan kerja singkat.

Beliau berkata, pemikir-pemikir barat telahpun meramalkan persengkataan tamadun.

Tekanan terhadap China dan Asia Tenggara menimbulkan rasa tidak puas hati kerana ia menghalang pertumbuhan dan pembangunan negara-negara itu sementara kritikan terhadap rekod hak asasi manusia dan pencemaran alam sekitar yang dihubungkan dengan perdagangan menimbulkan rasa geram.

Dr Mahathir berkata, ketegangan akan terus meningkat, ugutan dan kejadian tidak dingini akan terjadi dalam hubungan antara Timur dan Barat.

"Satu hari nanti ada orang mungkin melakukan sesuatu yang bodoh dan usaha-usaha ekonomi akan digantikan dengan konfrontasi politik ataupun ketenteraan," kata beliau.

"Semua ini nampak pesimistik. Tetapi ia boleh menjadi kenyataan. Ia boleh berlaku kerana hanya mereka yang boleh melakukan sesuatu untuk menghentikannya tidak mahu bertindak.

"Dan mereka itu ialah penduduk Asia, negara-negara Asia, khasnya Asia Timur."

Tetapi sehingga ini Asia tidak mahu melakukan sesuatu secara bersama kerana bimbang yang negara-negara Eropah di kedua-dua belah Atlantik mungkin tidak senang dengan perkara itu.

Dr Mahathir berkata, ini merupakan jalan yang salah dalam memastikan abad ke 21 sebagai abad yang aman dan gemilang.

"Asia mesti bersedia bersemuka dengan negara-negara Eropah jika tidak mahu menghadapi konfrontasi dengan mereka di arena lain," kata Perdana Menteri.

Sambil menekankan yang beliau tidak bercakap mengenai konfrontasi ketenteraan, Dr Mahathir berkata Asia boleh membawa keseimbangan untuk meringkankan penindasan.

Asia secara bersama boleh menangkis kecenderungan Eropah mengenakan sistem dan pendapat mereka pada dunia.

Dr Mahathir berkata, peranan Jepun adalah jelas kerana negara itu paling maju di Asia.

Jepun, kata beliau perlu memainkan peranan yang sepatutnya dalam hal ehwal dunia dan perlu menjadi teladan baik kepada Asia dengan memberi perhatian kepada isu-isu yang berkaitan dengan negara-negara Asia.

"Ia perlu berhenti daripada memikirkan dirinya sebagai negara barat yang maju di Timur. Jepun mempunyai kewibawaan untuk menerajui, bukan ke arah dominasi Asia dalam Abad Asia, tetapi ke arah masyarakat dunia yang lebih saksama dalam Abad Dunia yang sedang bermula," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, belia-belia abad ke 21 mesti memikirkan untuk diri masing-masing sebagai penduduk sebenar dunia dan melupakan sejarah sebelum ini.

Mereka mesti melupakan warna, fahaman dan pandangan tinggi diri ataupun rendah diri. -- BERNAMA

SJ PR